

CNS4282

U GB 14-03 00185 BA171

Aab

Mahathir - Islam

KUALA KANGSAR, 14 Mac (Bernama) — Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini meminta orang Melayu supaya bersikap terbuka dan tidak terpengaruh dengan golongan yang berfikiran sempit dalam membuat tafsiran mengenai agama Islam sehingga menyusahkan diri sendiri.

Beliau berharap mereka tidak menerima pandangan golongan yang menganjurkan sesuatu tindakan hasil daripada penafsiran yang sempit hingga menyusahkan diri.

Baru-baru ini golongan itu ingin membantu Iraq dalam perang Teluk dengan cubaan menghantar kira-kira 3,000 sukarelawan. Mereka memihak kepada Iraq sedangkan tindakan Iraq menakluki Kuwait adalah salah, kata Perdana Menteri dalam ucapannya bagi merasmikan Jalan Bendang Kering/Tanjung Belanja di Kampung Senggang dekat sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan mengambil sikap tidak memihak kepada sesiapa kerana +pada pandangan kita apabila orang Islam berkelahi sesama Islam, kita harus berusaha mendamaikan mereka. +

Katanya; +Mengikut Islam kita tiada hak untuk memihak sesiapa tetapi harus menasihati dan berusaha menyelesaikan masalah dengan jalan damai.+

Datuk Seri Dr Mahathir berkata golongan itu berpihak kepada Iraq hanya kerana mereka menentang kerajaan. -- Lagi.

♥14/03/13-10MST

CNS4285

U GB 14-03 00146 BA172

Aab

Mahathir - Islam 2 Kuala Kangsar

+Kerana marah dengan kerajaan mereka hendak hantar 3,000 orang yang tidak mempunyai kemahiran berperang untuk pergi ke sana, mujur tak jadi kalau tidak mungkin mereka tak balik,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, kerana fahaman cetek mereka juga golongan itu dahulu menentang usaha pembangunan kerajaan termasuk membina jalan bagi kemudahan rakyat.

Mereka berpeluang memerintah sebuah negeri di negara ini sekarang, kata beliau dan menambah; +Kita nak tengok mereka buat jalan atau tidak.+

Apabila mereka memerintah, mereka juga nampaknya telah membuat keputusan atas alasan agama tetapi boleh ditarik balik, katanya. Mulanya mereka bercadang tidak membenarkan wanita berkerja malam tetapi tidak lama kemudian cadangan itu ditarik balik.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menggesa penduduk luar bandar supaya menggunakan sepenuhnya tanah di kawasan mereka untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. -- Lagi.

U GB 14-03 00131 BA173

Aab

Mahathir - Islam 3 Kuala Kangsar

Kerajaan membina jalan ke kawasan luar bandar bukan sahaja sebagai kemudahan perhubungan tetapi dengan tujuan memberi peluang kepada penduduk meningkatkan pendapatan dengan usaha pertanian dan perniagaan, jelasnya.

Pembinaan jalan akan meningkatkan nilai tanah luar bandar di samping memudahkan penduduk mengusahakan tanah itu dan memasarkan hasilnya.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib sebelum itu berkata kerajaan telah membelanjakan \$258 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk membina 30 buah jambatan, 400 kilometer jalan dan menyenggarakan 1,200 kilometer jalan.

Jalan Bendang Kering/Tanjung Belanja sepanjang 47 km yang siap pembinaannya tahun lepas dengan belanja \$10.7 juta itu memberi kemudahan kepada 10,000 penduduk di sepanjang tebing Sungai Perak antara Parit dan Kuala Kangsar. -- Bernama.

♥14/03/13-12MST